



Headline	PBT negeri harus pastikan standard bangunan
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)
Date	22 Jul 2015
Section	Tempatan
Page No	3
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily (EM)



## PBT negeri harus pastikan standard bangunan mengikut piawaian standard Malaysia

KUALA LUMPUR: Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di setiap negeri digesa memastikan setiap pembangunan yang bakal dilaksanakan pada masa hadapan mengikut piawaian tahan gegaran yang ditetapkan oleh Jabatan Standard Malaysia.

Ketua Pengarahnya Datuk Fadilah Baharin berkata PBT negeri juga harus memeriksa bangunan-bangunan sedia ada di setiap negeri dan memastikan ia mengikut piawaian bangunan tahan gegaran yang ditetapkan oleh Standard Malaysia.

"PBT perlu memastikan setiap pemilik bangunan mematuhi standard tahan gegaran bagi setiap bangunan yang telah dibina," katanya kepada Bernama.

Buat masa ini Fadilah berkata hanya kerajaan persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mematuhi piawaian Standard Malaysia berkenaan dengan pembinaan bangunan tahan gegaran.

"Mereka (yang tidak mengikut piawaian Standard Malaysia) tidak nampak (kesannya). Pada mereka, kemungkinan itu (gempa bumi di Malaysia) adalah mustahil, sehinggalah ia terjadi (di Ranau).

"Jadi sekarang, apabila ia (gempa bumi) telah berlaku, kita kena menambah baik (dari segi piawaian)," katanya.

Kejadian gempa bumi yang melanda daerah Ranau, Sabah, baru-baru ini menyebabkan kerugian kira-kira RM55 juta bagi kos baik pulih dan pembinaan semula bangunan yang runtuh, termasuk beberapa buah sekolah.

Melihat situasi ini, Fadilah menggesa PBT di setiap negeri menguatkuasakan piawaian bangunan tahan gegaran oleh Standard Malaysia dalam sijil layak menduduki yang dikeluarkan bagi setiap bangunan yang akan dibina.

"Standard yang sedia-ada memang sudah memadai, tapi tiada orang (badan-badan berkaitan) yang pakai. Kita sudah buat (standard), tapi jika tiada orang yang menggunakannya, tiada gunanya," katanya.

Katanya antara sebab badan-badan berkaitan dan pihak kerajaan negeri tidak menggunakan standard ini ialah kerana tiada paksan dalam perlaksanaannya di samping kos tambahan yang diperlukan bagi mengaplikasikannya.

"Ini masalah mentaliti. Sudah sampai

masanya untuk berubah, terutama PBT dan pemaju, mereka perlu mengeluarkan belanja ke atas projek masing-masing bagi menjamin keselamatan.

"Dahulu, sesiapa pun tidak menyangka bahawa fenomena gempa bumi akan berlaku di Malaysia, sehinggalah ia berlaku di Ranau. Bangunan yang dibina di sana sudah lama. Untuk tujuan peryelenggaraan, mereka (PBT Ranau) wajar melaksanakan Standard Malaysia terbabit," katanya.

Fadilah berharap PBT negeri datang berjumpa beliau bagi mengenal pasti spesifikasi standard bangunan kerana setiap negeri mungkin memerlukan piawaian yang berbeza disebabkan faktor muka bumi.

"Untuk orang ramai, saya harap mereka juga menuntut untuk hak keselamatan mereka, jika bukan kepada kerajaan tempatan, kepada saya terus, mengenai standard yang perlu ada dalam bangunan yang mereka duduki. Mereka ada hak untuk memastikan keselamatan masing-masing.

"Jika ada tuntutan, jika kita cetuskan tekanan, pihak berwajib mesti menguatkuasakan standard itu," katanya. - Bernama